



KEMENTERIAN PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI MALAYSIA

LAPORAN
MITI

ISSN 0128-7524

Jun 2018

© Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan
Industri Malaysia 2017

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada sebarang bentuk dan cara tanpa izin bertulis daripada penerbit. Semua fakta dan maklumat adalah benar pada saat percetakan.

Untuk membeli naskah ini atau untuk maklumat lain, sila hubungi:

Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan Strategik
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan
Industri Malaysia
Tingkat 22, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-6200 0252 Faks: +603-6206 4059
Laman web MITI: www.miti.gov.my
E-mel: mitiweb@miti.gov.my

Reka bentuk dan percetakan:

Sasyaz Holdings Sdn. Bhd. (219275-V)
29, Jalan PJU 3/48
Sunway Damansara Technology Park
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: +603 7803 3754
Faks: +603 7804 8245
E-mel: salina@sasyaz.com.my

Harga: RM60.00

LAPORAN MITI

2 0 1 7

KANDUNGAN


-  **1 Perdagangan Antarabangsa** 3 - 29
-  **2 Pelaburan Berkualiti Tinggi** 30 - 36
-  **3 Transformasi Industri** 37 - 44
-  **4 Sektor Perkhidmatan** 45 - 50
-  **5 Pembangunan PKS & Keusahawanan Bumiputera** 51 - 64
-  **6 Produktiviti & Daya Saing** 65 - 72
-  **7 Pengurusan & Perkhidmatan Sokongan** 73 - 84
-  **8 Pengurusan Tertinggi** 85

PERDAGANGAN ANTARABANGSA





PRESTASI PERDAGANGAN PADA 2017 – sepintas lalu*




Kedudukan Malaysia dalam Perdagangan Barangan Dunia pada 2017

- Pengeksport ke-25 terbesar
- Pengimport ke-26 terbesar
- Negara perdagangan ke-25 terbesar


(Sumber: WTO Database, dikemaskini April 2018)

Jumlah dagangan bagi tahun 2017 berkembang sebanyak 19.4 peratus mencecah RM1.774 trilion dengan jumlah eksport mencatat rekod tertinggi sebanyak RM935.39 bilion, bertambah 18.9 peratus berbanding 2016. Import turut mencatat peningkatan sebanyak 19.9 peratus kepada RM838.14 bilion. Pertumbuhan eksport didorong oleh barang pembuatan yang mencatat kenaikan sebanyak 18.9 peratus kepada RM767.64 bilion atau 82.1 peratus daripada keseluruhan jumlah eksport.

*% pertumbuhan pada 2017 berbanding 2016
Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia (DOSM)



KOMPOSISI EKSPORT & IMPORT menurut pasaran dan produk*



*% pertumbuhan pada 2017 berbanding 2016

Sumber: DOSM

PROGRAM PROMOSI EKSPORT 2017



Program-program promosi eksport yang berjaya menghasilkan nilai jualan sebanyak RM6.24 bilion bertujuan untuk memacu eksport bagi sektor sasaran iaitu Minyak dan Gas, Elektrik dan Elektronik (E&E), ICT, Penjagaan Kesihatan, Bahan Binaan, Gaya Hidup, Biotek serta Produk dan Perkhidmatan Halal, Aero Angkasa dan Automotif. Lebih 1,700 pengeksport Malaysia telah beroleh manfaat daripada program tersebut.

36 program global



PENYERTAAN ACARA PERDAGANGAN BERTARAF IKONIK

Gulfood, China-ASEAN Expo, Offshore Technology Conference (OTC) Houston, Arab Health, Abu Dhabi International Petroleum Exhibition & Conference (ADIPEC) dan acara-acara strategik lain



PAMERAN HALAL ANTARABANGSA MALAYSIA KE-14 (MIHAS)

576 syarikat dari 33 buah negara
Lebih 22,000 pembeli dan pengunjung dagang asing dari 80 buah negara



KERJASAMA STRATEGIK

11 program bersama dengan pelbagai kementerian, agensi, persatuan perdagangan dan pengajur acara



PEMUDAH CARA PERDAGANGAN DALAM PERSEKITARAN PERDAGANGAN SELAMAT

AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK (STA) PINDAAN 2017



**KEANJALAN PERNYATAAN
KEGUNAAN AKHIR**

Pindaan tersebut bertujuan untuk meningkatkan eksport barang strategik melalui fasilitasi yang lebih baik, memastikan Akta bersesuaian dengan perubahan persekitaran perniagaan yang pantas dan dinamik serta untuk sentiasa mengikuti piawaian dan amalan terbaik antarabangsa.



PEMBROKERAN



SEKSYEN BAHARU



PENGUATKUASAAN



DENDA

Pindaan mula dijalankan pada tahun 2014 di mana isu-isu dikenal pasti melalui rundingan dengan agensi kerajaan dan pihak industri yang berkaitan. Keputusan dicapai melalui proses Amalan Terbaik Peraturan-Analisis Impak Peraturan (GRP-RIA) bagi memastikan keberkesanannya.





FILIPINA PENGERUSI ASEAN 2017

Filipina memperkenalkan tiga langkah strategik menerusi tema utama "Pertumbuhan Berpandukan Keterangkuman dan Inovasi" bagi Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).



Langkah Strategik Pertama

Meningkatkan Perdagangan dan Pelaburan

Perdagangan antarabangsa hendaklah memiliki prospek yang menarik dan efisien, mampu memperkasa kemampuan perniagaan untuk memanfaatkan aktiviti komersial merentasi sempadan sambil melonjakkan ekonomi masing-masing, dan memudahkan hubungan serantau.

Keberhasilan Utama

- Skim Pensijilan Sendiri Serantau
- Agenda Tindakan Berfokus dan Strategik berkaitan Pelaburan
- Perjanjian Perdagangan Perkhidmatan ASEAN
- Petunjuk Kelancaran Fasilitasi Perdagangan ASEAN
- ASEAN Roll On-Roll Off
- Mekanisma Kajian Semula bagi AEC
- Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau



Langkah Strategik Kedua

Menyepadukan MSME dalam GVC

Mengukuhkan mandat berteraskan MSME bagi AEC 2025 dan menyokong usaha utama ASEAN dalam menyediakan persekitaran yang dapat membantu pembangunan dan pengantarabangsaan MSME.

Keberhasilan Utama

- Rangka Kerja Perniagaan Inklusif ASEAN
- Pemerksaan Ekonomi Wanita



Langkah Strategik Ketiga

Membangunkan sebuah Ekonomi Didorong oleh Inovasi

Membangun dan menerima pakai campur tangan yang dapat menaik taraf dan menyesuaikan kaedah sedia ada secara progresif dengan keadaan dan amalan perniagaan moden, melalui pembentukan persekitaran yang kondusif bagi inovasi dan penciptaan nilai.

Keberhasilan Utama

- Program Kerja ASEAN bagi Perdagangan Elektronik 2017-2025
- Deklarasi Inovasi ASEAN



PENCAPAIAN ASEAN PADA 2017



Pelaksanaan Petunjuk Fasilitasi Perdagangan Tanpa Sempadan ASEAN (ASTFI)



Penyiapan Agenda Tindakan Berfokus dan Strategik (FAST) berkaitan Pelaburan



Resolusi bagi perbezaan bidang-bidang utama untuk membolehkan pelaksanaan Skim Pensijilan Sendiri ASEAN (AWSC) pada tahun 2018



Mekanisma Kajian bagi AEC dijalankan melalui komponen Lawatan Negara dalam Pemantauan dan Penilaian AEC 2025 (M&E)



Pengesahan dan pelaksanaan Rangka Kerja Perniagaan Inklusif ASEAN dalam usaha yang dijalankan oleh ASEAN berkaitan pembangunan MSME




Pelaksanaan dan pengesahan Program Kerja ASEAN bagi Perdagangan Elektronik (AWPEC) 2017-2025



Aktiviti bersempena ulang tahun ASEAN ke-50

PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN ASEAN 2017



1 SINGAPURA

Jumlah Dagangan : RM228.31 bilion
Import : RM92.72 bilion
Eksport : RM135.59 bilion

2 THAILAND

Jumlah Dagangan : RM98.69 bilion
Import : RM48.16 bilion
Eksport : RM50.53 bilion

3 INDONESIA

Jumlah Dagangan : RM72.63 bilion
Import : RM37.85 bilion
Eksport : RM34.78 bilion


4 VIET NAM

Jumlah Dagangan : RM50.24 bilion
Import : RM22.63 bilion
Eksport : RM27.61 bilion

5 FILIPINA

Jumlah Dagangan : RM25.51 bilion
Import : RM8.98 bilion
Eksport : RM16.53 bilion

Sumber: DOSM



ULANG TAHUN ASEAN KE-50



Sambutan Ulang Tahun ke-50 ini turut menandakan 2017 sebagai tahun kejayaan bagi ASEAN.

Kematangan yang dicapai sejak penubuhannya pada tahun 1967 telah membolehkan ASEAN menjadi sebuah komuniti yang memfokus kepada integrasi dan pertumbuhan ekonomi serta kesepakatan dalam pembangunan. "Cara ASEAN" inilah yang telah menghasilkan pertumbuhan mengagumkan. ASEAN muncul sebagai ekonomi keenam terbesar dunia dan ketiga terbesar dari segi populasi.



Majlis menandatangani Deklarasi ASEAN (Deklarasi Bangkok) oleh pemimpin terdahulu negara-negara ASEAN yang terdiri daripada Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand pada 8 Ogos 1967 di Bangkok, Thailand.

12 aktiviti

Bagi menandakan ulang tahun ke-50 ASEAN, MITI telah mengadakan satu siri acara sambutan.

1. Pelancaran Awal ASEAN@50
2. Misi Pemacuan Ekspor Khas ke ASEAN
3. Sembang ASEAN Bersama YB Menteri MITI
4. Pertandingan Menulis Karangan Terbuka ASEAN
5. Seminar dan Bengkel Pembinaan Kapasiti di bawah ASEAN-Korea FTA (AKFTA) bagi pengantarabangsaan PKS
6. Seminar AEC bertajuk "*Spreading Your Wings in ASEAN: Land of Opportunities*" anjuran MITI dan MATRADE
7. Forum Pelaburan Intra-ASEAN oleh MITI dan MIDA
8. Pelancaran "*The ASEAN Circle and the Inaugural ASEAN Circle Dialogue*"
9. Forum Pelaburan ASEAN
10. ASEAN@50 Week
11. Sisipan khas dalam New Straits Times mengenai "*ASEAN in 50 Years and The Way Forward*"
12. "Mari Nego Caro MITI" sempena Hari MITI (Zon Timur)

ULANG TAHUN KE-50 ASEAN



HASIL

Berkongsi pengalaman untuk menyemarakkan semangat di kalangan usahawan Malaysia bagi mengembangkan perniagaan mereka dengan mencebur ke pasaran ASEAN



Mewujudkan usaha sama strategik antara kerajaan dan sektor swasta



Meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap ASEAN dan manfaatnya kepada rakyat Malaysia



KERJASAMA EKONOMI ASIA-PASIFIK (APEC)



Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik merupakan kumpulan 21 ekonomi di rantau Asia Pasifik yang dibentuk bertujuan mencapai kemakmuran bersama melalui pertumbuhan ekonomi dan perdagangan bebas dengan cara mempromosi Pertumbuhan Seimbang, Inklusif, Mampan, Inovatif dan Pertumbuhan yang Selamat serta meningkatkan Integrasi Ekonomi Serantau.

AGENDA APEC

Matlamat utama APEC adalah untuk menyokong pertumbuhan dan kemakmuran ekonomi mampan di rantau Asia-Pasifik.

**Liberalisasi
Perdagangan
dan Pelaburan**

**Fasilitasi
Perniagaan**

**Kerjasama
Ekonomi
dan Teknikal
(ECOTECH)**

APEC beroperasi sebagai sebuah forum kerjasama, ekonomi dan perdagangan pelbagai hala. Matlamatnya dicapai melalui permuafakatan, secara sukarela dan tanpa ikatan.

MALAYSIA DAN APEC

- Pada Tahun 2017, APEC merangkumi **76.8** peratus daripada jumlah dagangan Malaysia (USD317 bilion) **76.2** peratus daripada jumlah eksport Malaysia (USD165 bilion) **77.5** peratus daripada jumlah import Malaysia (USD151 bilion) **57.1** peratus daripada jumlah aliran masuk FDI (USD81.7 bilion)
- Malaysia telah memeterai FTA, iaitu Perdagangan Dua Hala, ASEAN+1 FTA dan CPTPP dengan 17 ekonomi APEC.
- APEC sedang berusaha ke arah pembentukan FTAAP.

APEC VIET NAM 2017


Tema: Membentuk Dinamisme Baharu, Memupuk Masa Depan Dikongsi Bersama

- Mempromosi Pertumbuhan Mampan, Inovatif dan Inklusif
- Memperluaskan Integrasi Ekonomi Serantau
- Mengukuhkan Daya Saing dan Inovasi MSME dalam Era Digital
- Mempertingkatkan Keselamatan Makanan dan Pertanian Mampan sebagai Tindak Balas terhadap Perubahan Iklim



HASIL DARIPADA APEC VIET NAM 2017

- Komitmen dan sokongan yang diperbaharui ke arah merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas Asia-Pasifik (FTAAP)
- Penerimaan 'APEC Internet and Digital Economy Roadmap' (AIDER) dan 'APEC Framework on Cross-Border E-Commerce Facilitation'
- 'APEC Toward 2020 and Beyond' sebagai garis panduan bagi semua ekonomi untuk terus menyokong hasrat mencapai perdagangan bebas dan terbuka
- Pembentukan 'APEC Vision Group' untuk membantu menetapkan hala tuju APEC selepas penyempurnaan Bogor Goals pada 2020
- Sokongan berterusan terhadap Sistem Perdagangan Pelbagai Hala berdasarkan peraturan dan inisiatif berkaitan anti perlindungan dan penghapusan Halangan Tanpa Tarif



PENCAPAIAN 2017



INTEGRASI EKONOMI SERANTAU

- Merangka pelan pembangunan APEC bagi Ekonomi Internet dan Digital (AIDER) untuk mendorong ekonomi global dan menjadi pemangkin kepada inovasi, transformasi perindustrian dan pertumbuhan.
- Usaha berterusan dalam membina Kawasan Perdagangan Bebas Asia-Pasifik (FTAAP) dengan tumpuan khusus kepada MSME.
- Menyiapkan Pelan Pembangunan Daya Saing Perkhidmatan APEC (ASCR) yang menggariskan tindakan strategik, jangka panjang dan bersepdua bagi daya saing perkhidmatan menjelang 2025.



BANTUAN PERNIAGAAN

- Menyokong Agenda Reformasi Struktur APEC yang Baharui (RAASR) untuk menggalakkan tadbir urus yang lebih baik serta operasi perniagaan dan pasaran yang lebih cekap.
- Mempromosi penguatkuasaan yang lebih baik melalui reformasi rundingan awam bagi menggalakkan pembentukan rangka kerja kawal selia yang sesuai bagi pelaburan dan inovasi berkualiti.
- Mengesyorkan penambahbaikan pembangunan modal insan termasuk pembangunan pendidikan, latihan dan kemahiran supaya bersesuaian dengan keperluan pasaran pekerja masa kini.



APEC UNTUK RAKYAT

- Menyokong agenda rangkuman ekonomi dan kewangan APEC bagi menangani cabaran berkaitan ketidaksamarataan, pengangguran, keterangkuman jantina dan taraf kehidupan yang lebih baik bagi semua penduduk di rantau APEC.
- Mendukung inisiatif *MyAPEC YouthConnect* untuk menyediakan peluang pekerjaan jangka pendek merentasi sempadan bagi golongan belia dalam MNCs yang berpangkalan di APEC.




PROJEK MALAYSIA


- Kajian Pesaing APEC berhubung inisiatif rundingan awam
- Inisiatif *Online-to-Offline* APEC (O2O)
- Analisis ekonomi dan kitaran hayat bagi sistem fotovoltik solar
- Seminar APEC tentang memahami kesan pembuatan pintar dalam pendekatan dasar dan kawal selia

INISIATIF MASA HADAPAN MALAYSIA DALAM APEC

- Penyertaaan secara aktif dalam Reka Bentuk Agenda APEC Pasca 2020 melalui dialog peringkat tinggi Wawasan 2020 APEC (AVG) dan Jawatankuasa Pemandu Rasmi Tertinggi
- Dialog tersebut bertujuan untuk memajukan lagi integrasi ekonomi, menambah baik fasilitasi perniagaan dan reformasi struktur serantau serta menyediakan manfaat ekonomi dan sosial kepada penduduk di rantau APEC

PENYERTAAN MALAYSIA DALAM MESYUARAT PERTUBUHAN PERDAGANGAN DUNIA (WTO) DAN MESYUARAT PERINGKAT ANTARABANGSA YANG LAIN





PENYERTAAN MALAYSIA DALAM FORUM PERTUBUHAN EKONOMI DUNIA (WTO) 2017

Tiga objektif utama

Memperoleh manfaat daripada WEF sebagai sebuah platform berprestij untuk meninggikan profil Malaysia di kalangan pelabur asing dan individu berkeupayaan nilai tinggi



Melengkapkan agenda perdagangan dan pelaburan Malaysia



Memberi wawasan dan peluang baharu bagi dasar perdagangan dan pelaburan kita

1

WEF DAVOS 2017

17 - 20 Januari 2017
3,000 peserta



Tema:

Kepimpinan Responsif dan Bertanggungjawab

Elemen Utama

- Dua sesi Perhimpunan Tidak Rasmi Para Pemimpin Ekonomi Dunia (IGWEL) dan lapan sesi WEF
- Mesyuarat Peringkat Menteri Tidak Rasmi WTO
- Mesyuarat Meja Bulat dengan 18 Pelabur Swiss
- Jamuan Tengahari Perniagaan dengan 72 eksekutif korporat mewakili syarikat-syarikat antarabangsa yang berminat untuk meluaskan perniagaan ke Malaysia; contoh: Microsoft Corp. bakal melabur di Malaysia pada tahun 2018

2

WEF ASEAN 2017

10 - 12 Mei 2017
680 peserta



Tema:

Manfaat Digital dan Demografi ASEAN

Elemen Utama

- Bertepatan dengan ulang tahun ASEAN ke-50
- Memorandum Persefahaman (MoU) antara Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) dan SLN Meat Supplies Pty Cambodia bagi memudahkan perkongsian kepakaran dan pematuhan dengan piawaian dan keperluan Halal Malaysia
- Malaysia mengetuai perbincangan mengenai fasilitasi eDagang dalam sesi 'Ke Arah Pasaran Tunggal Digital Serantau'

Malaysia mengambil bahagian dalam syarahan behubung tiga tonggak utama

- ASEAN dalam Konteks Global baharu
- ASEAN dan Agenda Ketersambungan
- ASEAN dan Agenda Belia

PENYERTAAN MALAYSIA DALAM MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERDAGANGAN KOMANWEL PERTAMA (CTMM) 2017

London, United Kingdom, 9 - 10 Mac 2017

35

**Negara
Komanwel**

200

**Peserta (Sektor Kerajaan
dan Swasta)**

OBJEKTIF

MEMBINCANGKAN KERJASAMA ANTARA AHLI KOMANWEL:

- Untuk mengukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburan
- Untuk meningkatkan intra-Komanwel kepada US\$1 trilion menjelang 2020

PENGESAHAN KOMITMEN AHLI KOMANWEL

- Ke Arah 'Sistem Perdagangan Pelbagai Hala yang Telus, Bebas dan Saksama'
- Untuk mentakrif wawasan 'Agenda bagi Pertumbuhan' yang diterajui oleh Komanwel

DUA MESYUARAT MEJA BULAT

Mesyuarat Menteri-menteri Perdagangan



Tema: **Agenda bagi Pertumbuhan**

Acara Sektor Swasta



Tema: **Teknologi & Inovasi**



**Mencipta Sebuah
Ekonomi Eksport**

HASIL/CADANGAN

Pelantikan Duta Perdagangan Komanwel



Menyokong perkhidmatan kewangan



Mengukuhkan hubungan PKS
dan usahawan



Penggunaan teknologi dalam
perdagangan



Lebih banyak peluang untuk
menambah baik persekitaran perniagaan





MENUJU KE KAJIAN SEMULA DASAR PERDAGANGAN KE-7 MALAYSIA

PROSES TPR



Permintaan awal bagi penerbitan dan data

Sekretariat WTO melawat Malaysia

- Dua laporan disediakan oleh:
- Kerajaan Malaysia
 - Sekretariat WTO

Soalan bertulis lanjutan oleh ahli WTO

Kajian Semula Dasar Perdagangan (TPR) adalah sebuah mekanisme telus untuk mengkaji secara berkala dasar dan amalan perdagangan ahli WTO.

Kekerapan kajian semula adalah berdasarkan kepada pemilikan bahagian dalam dagangan dunia (sekali setiap dua, empat atau enam tahun).

TPR Malaysia yang lalu telah dilaksanakan pada tahun 1993, 1997, 2001, 2006, 2010 dan 2014.

2018



Mengemukakan tindak balas Malaysia

Sesi kajian semula dijalankan di WTO, Geneva

14 & 16 Februari 2018

43 campur tangan oleh ahli WTO (jumlah tertinggi dalam sejarah TPR Malaysia)

476 soalan dari **27** negara

PENGIKTIRAFAN



Reformasi ekonomi



Keterbukaan perdagangan



Pembangunan PKS



eDagang



PERSIDANGAN MENTERI-MENTERI KE-11 WTO BADAN PEMBUAT KEPUTUSAN TERTINGGI DALAM WTO

Buenos Aires, Argentina, 10 - 13 Disember 2017

KEPUTUSAN MENTERI-MENTERI WTO



AGENDA PEMBANGUNAN DOHA

- Menjaga kepentingan/kedudukan nasional Malaysia berhubung isu-isu yang sedang dirunding dalam WTO Doha seperti pertanian, akses pasaran bukan pertanian, perkhidmatan, TRIPs, peraturan, pembangunan dan alam sekitar.

"Pembangunan – Intisari Agenda Pembangunan Doha"

- Usaha positif bagi menjaga keperluan dan kepentingan negara membangun dalam mencapai pertumbuhan perdagangan.


ISU-ISU BAHARU

- Mengetengahkan isu-isu WTO baharu melibatkan kepentingan Malaysia yang akan memberi manfaat kepada industri domestik seperti Fasilitasi Pelaburan, MSME dan eDagang.

PENYATAAN BERSAMA MENTERI-MENTERI



- Penyataan Bersama Menteri-menteri dikeluarkan berhubung tiga inisiatif baharu untuk mempercepatkan perbincangan di WTO mengenai Perdagangan Elektronik, Fasilitasi Pelaburan dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME).
- Malaysia berpendapat bahawa isu-isu tersebut memberi bidang tumpuan baharu yang perlu menjadi tumpuan utama dalam usaha WTO pada masa depan agar ia kekal relevan.




FORUM AWAM WTO 2017 “TRADE: BEHIND THE HEADLINES”

26 SEPTEMBER 2017

Sesi mengenai “*Sustainability and Non-Tariff Barriers (NTBs) to Trade: The Case Study of Palm Oil*”



Satu inisiatif yang diketuai oleh Malaysia berserta negara-negara pengeluar minyak sawit lain



RINGKASAN PENTING UNTUK MALAYSIA



Kajian Semula Statistik Perdagangan Dunia 2017

Pengeksport Ke-**24**
Paling Terkemuka dalam Perdagangan Barang Dunia 2016

Pengimpor Ke-**26** Paling Terkemuka dalam Perdagangan Barang Dunia 2016

Kadar pengangguran antara paling rendah di dunia:
3.3%

Peningkatan dalam bahagian pendapatan pekerja sepanjang tempoh 25 tahun hingga kini



Laporan Perdagangan Dunia WTO 2017: Perdagangan, Teknologi dan Pekerjaan


PENGLIBATAN MALAYSIA SECARA AKTIF DALAM PELAKSANAAN KETELUSAN BERHUBUNG LANGKAH-LANGKAH PERDAGANGAN DAN PELABURAN

MEMANTAU LAPORAN

- Satu pelaksanaan yang telus
- Kajian tahunan terhadap perdagangan dan langkah berkaitan perdagangan yang dilaksanakan oleh ahli-ahli WTO

LANGKAH-LANGKAH BERKAITAN MALAYSIA

PEMULIHAN PERDAGANGAN



Julai 2016 - Jun 2017:

EMPAT

Penyiasatan anti pembuangan dijalankan

SIFAR

Langkah anti pembuangan dikenakan

SIFAR

Penyiasatan perlindungan dijalankan

LANGKAH-LANGKAH FASILITASI PERDAGANGAN



- Pelaksanaan "ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature" (AHTN)
- Pengurangan selanjutnya tarif import di bawah ITA2: 50 barisan tarif pada paras 9 digit
- Langkah Fasilitasi Perdagangan bagi eksport melalui pengecualian cukai bagi perkhidmatan
- Penghapusan keperluan pelesenan import bagi 181 barisan tarif untuk produk besi dan keluli

LANGKAH-LANGKAH YANG MEMPENGARUHI PERDAGANGAN PERKHIDMATAN




Perkhidmatan Pengangkutan

- Pengecualian Undang-undang Kabotaj


Sumber: Laporan Tahunan Pertubuhan Perdagangan Dunia oleh Ketua Pengarah Tinjauan Pembangunan dalam Persekutuan Perdagangan Antarabangsa (Pertengahan Oktober 2016-Pertengahan Oktober 2017)



PENGLIBATAN PENTING PADA 2017



236 Penglibatan dengan 60 Ekonomi



Perdagangan melonjak sebanyak **19.4** peratus pada 2017 hasil daripada hubungan dan inisiatif ekonomi antarabangsa yang lebih kukuh




HUBUNGAN PERDAGANGAN DAN EKONOMI DENGAN REPUBLIK RAKYAT CHINA (RRC)

RRC adalah Rakan Kongsi Perdagangan Terbesar Malaysia (sejak 2009)




BELT AND ROAD INITIATIVE (BRI)



71 Negara Mengambil Bahagian

-  Merangkumi lebih 60% populasi dunia
-  Meliputi 30% KDNK global
-  Meliputi 30% perdagangan global



Sekretariat Belt and Road Initiative Negara (BRINS Malaysia)

Ditubuhkan pada tahun 2017 di MITI, BRINS Malaysia menyelaras, memantau dan membantu projek-projek di Malaysia serta projek yang melibatkan syarikat Malaysia di peringkat global.

Malaysia dan RRC menandatangi MoU BRI pada 13 Mei 2017

PENGLIBATAN DAN PROGRAM UTAMA

JANUARI

Dialong dengan Perniagaan Asing

 UK (6 Januari)

 Sweden (12 Januari)

 AS (13 Januari)

 Itali (21 Januari)

FEBRUARI



Lawatan Rasmi oleh Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci (26 Februari - 3 Mac)

TUJUH MoU B2B US\$2.19 bilion

- Sektor:
Minyak dan gas, Pengangkutan, Aeroangkasa, Halal, PKS, ICT and E&E
- MoU G2G berkaitan Perdagangan dan Pelaburan
- Mesyuarat dua Dua Hala antara Menteri
- Forum Perniagaan Malaysia-Arab Saudi


APRIL

TIM ke Jepun dan Republik Korea (ROK) (9 - 14 April)

SATU Surat Hasrat (LOI)
US\$110 milion



- Dua Mesyuarat Dua Hala antara Menteri
- Tiga Seminar mengenai Peluang Perniagaan di Malaysia (Osaka: 10 April, Tokyo: 12 April, Seoul: 14 April)
- Mesyuarat Satu Sama Satu
- Tiga RTM (dua di Jepun; satu di ROK)
- Sektor:
Tenaga, Kosmetik, Makanan, Farmaseutikal, R&D, Biomas, Peralatan Perubatan, Automotif, Runcit dan Aeroangkasa

 **Lawatan Kerja ke Jakarta, Indonesia (15 - 16 April)**

RTM : Mesyuarat Meja Bulat dengan Ketua-ketua Industri
MoU B2B : Memorandum Persefahaman Bisnes ke Bisnes
TIM : Misi Perdagangan dan Pelaburan



Forum Bersama Ulang Tahun ke-60 Malaysia-New Zealand:
"Turbulent Times – The Importance of an Open Economy" (18 April)



Lawatan Rasmi Raja Hamad bin Isa Al Khalifa, Raja Kerajaan Bahrain (30 April - 3 Mei)

- MoU G2G mengenai PKS dan Kerjasama Perindustrian

G2G : Kerajaan dengan Kerajaan
ICT : Teknologi Maklumat dan Komunikasi
E&E : Elektrik dan Elektronik

MAC



Lawatan Rasmi Tuan Yang Terutama François Hollande, Presiden Republik Perancis (27 - 28 Mac)

SEMBILAN MoU B2B US\$4.7 milion

- Sektor:
Tenaga, Industri 4.0, ICT dan Promosi/Kerjasama Perdagangan dan Pelaburan



Lawatan Kerja ke Manila, Filipina (8 Mac)



TIM sempena Lawatan Perdana Menteri ke India (29 Mac - 3 April)

31 MoU B2B US\$35.99 bilion

- Mesyuarat Dua Hala antara Menteri
- Forum Perniagaan
- Mesyuarat Satu Sama Satu
- RTM

SME : Perusahaan Kecil dan Sederhana
ROK : Republik Korea
R&D : Penyelidikan dan Pembangunan

PENGLIBATAN DAN PROGRAM UTAMA

MEI



Mesyuarat JTC Ketiga antara Malaysia dan Kazakhstan (4 Mei)



Lawatan Kerja ke Kemboja (10 Mei)



Forum Perniagaan Afghanistan-Malaysia Pertama Kuala Lumpur (11 Mei)



Lawatan Perdana Menteri ke Beijing, RRC memfokus kepada perdagangan (11 - 14 Mei)



TIM ke Singapura (24 - 25 Mei)

- RTM
- Mesyuarat Satu Sama Satu
- Sektor:
Besi & Keluli dan E&E

JULAI



Lawatan Kerja ke Gansu, RRC (4 - 6 Julai)



Lawatan Kerja ke Kazakhstan (9 - 14 Julai)



Mesyuarat JTIC Ketiga antara Malaysia dan Indonesia (13 Julai)

Dialog dengan Perniagaan Asing:



Belanda (17 Julai)


JUN



Mesyuarat JEC Malaysia-Iran (7 Jun)



Lawatan Kerja ke EAB (8 Jun)



TIM ke Indonesia (11 - 14 Jun)

OGOS

***Latin American Business Day*
(1 Ogos, Menara MITI, KL)**

- Pakar, moderator & ahli panel:
25 wakil dari Amerika Latin dan
50 dari Malaysia
- Sektor:
Perlombongan & Pembinaan, E&E, ICT,
Aeroangkasa, Tenaga, Minyak & Gas,
Pendidikan Tinggi, Peralatan Perubatan
& Farmaseutikal, Automotif &
Alat Ganti Kenderaan, Agribisnes,
Makanan & Minuman, Halal

800
Peserta

**LATIN AMERICAN
BUSINESS DAY**
BRIDGING LATIN AMERICA AND MALAYSIA



JTC : Jawatankuasa Perdagangan Bersama

TIM : Misi Perdagangan dan Pelaburan

RTM : Mesyuarat Meja Bulat dengan Ketua-ketua Industri


JTIC : Jawatankuasa Perdagangan dan Pelaburan Bersama

JEC : Jawatankuasa Ekonomi Bersama

EAB : Emiriah Arab Bersatu

ICT : Teknologi Maklumat dan Komunikasi

E&E : Elektrik dan Elektronik



PENGLIBATAN DAN PROGRAM UTAMA

SEPTEMBER



Lawatan Perdana Menteri ke Amerika Syarikat yang memfokus kepada perdagangan (10 - 14 September)

SATU

MoU B2B
US\$4 bilion

- Sektor: Aeroangkasa
- Mesyuarat dengan Kabinet AS, Ahli-ahli Jawatankuasa Senat dan *Think Tank*
- Mesyuarat Satu Sama Satu
- Dua RTM



TIM ke Arab Saudi dan Turki (24 - 29 September)



OKTOBER



Lawatan Kerja ke Singapura (11 - 12 Oktober)



Lawatan Rasmi Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, Emir Qatar (15 - 16 Oktober)

DISEMBER



TIM ke Eropah: Jerman, Belanda dan Belgium (17 - 22 Oktober)

- Mesyuarat dua hala antara Menteri
- DUA Forum Perniagaan mengenai Peluang Perniagaan di Malaysia (Jerman: 18 Oktober, Belanda: 19 Oktober)
- Mesyuarat Satu Sama Satu
- LIMA Mesyuarat Meja Bulat
- Sektor:
Makanan, Kimia, Peralatan Optikal dan Saintifik, Kesihatan, Farmaseutikal, Peralatan Perubatan dan Pertanian.

NOVEMBER

Dialog dengan Perniagaan Asing:



Australia (1 November)



Jepun (2 November)



Lawatan Kerja ke Shanghai, RRC (13 - 16 November)



Forum Ekonomi Islam Dunia ke-13 di Kuching (21 - 23 November)



Lawatan Kerja Ke Beijing, RRC (29 - 30 November)



Lawatan Perdana Menteri ke Sri Lanka dan Maldives yang memfokus kepada perdagangan (17 - 20 Disember)



Pelaksanaan Awal Rancangan 5 Tahun dengan Afrika (7 Disember)



SESI TAHUNAN DENGAN KETUA-KETUA MISI KE-8

Menara Miti, Kuala Lumpur, 14 Mac 2017



Objektif

- Pertemuan tahunan dengan ketua-ketua misi dan para pegawai asing
- Untuk memberi taklimat berhubung prestasi perdagangan dan industri serta hala tuju bagi tahun mendatang

Penyertaan

150 Ketua misi
dan pegawai


Mewakili

97 Misi asing

Maklumat Penting


- Kehadiran Malaysia di luar negara
- Prestasi perdagangan dan pelaburan 2016
- Keutamaan bagi tahun 2017
- Cabaran dan ramalan bagi 2017
- Acara-acara penting pada 2017






PENGLIBATAN MALAYSIA DALAM PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS (FTA)

TUJUH FTA PELBAGAI HALA



TUJUH FTA SERANTAU



Jumlah Perdagangan dengan Rakan Kongsi FTA 2017:
RM1,122.73 bilion (63.3% daripada jumlah perdagangan)



Jumlah Eksport dengan Rakan Kongsi FTA 2017:
RM590.15 bilion (63.1% daripada eksport)



Jumlah Import dengan Rakan Kongsi FTA:
RM532.57 bilion (63.5% daripada import)

Sumber: DOSM

PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS (FTA) / PERJANJIAN PERKONGSIAN PERDAGANGAN (PTA) DALAM RUNDINGAN



PERKONGSIAN EKONOMI KOMPREHENSIF SERANTAU (RCEP)

- FTA melibatkan ASEAN dan China, India, Jepun, Korea, New Zealand dan Australia
- Dilancarkan pada 2014 dan dijangka akan diselesaikan menjelang penghujung 2018



PERJANJIAN PERKONGSIAN EKONOMI MALAYSIA - PERTUBUHAN PERDAGANGAN BEBAS EROPAH (MEEPA)

- FTA melibatkan Malaysia dan negara-negara Pertubuhan Perdagangan Bebas Eropah – Iceland, Liechtenstein, Norway dan Switzerland
- Lapan rundingan meja bulat telah diadakan sejak Mac 2014 dan pusingan rundingan seterusnya akan diadakan di Kuala Lumpur
- Rundingan dijangka akan selesai dalam tiga pusingan rundingan akan datang



PERJANJIAN KOMPREHENSIF DAN PROGRESIF BAGI PERKONGSIAN TRANS-PASIFIK (CPTPP)

- Dahulu dikenali sebagai TPPA (Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik), CPTPP melibatkan 11 penyertaan daripada negara-negara Asia Pasifik, termasuk tiga rakan kongsi FTA baharu bagi Malaysia iaitu Kanada, Mexico dan Peru
- CPTPP telah ditandatangani pada 8 Mac 2018 dan dijangka berkuatkuasa menjelang 2019



PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS MALAYSIA – IRAN (MIPTA)

- Rundingan pusingan pertama diadakan di Kuala Lumpur pada Oktober 2017
- Meliputi perdagangan barang



MENUJU KE HADAPAN

PENGEMBANGAN FTA



Malaysia – Turki FTA

- Rundingan mengenai Perkhidmatan, Pelaburan dan eDagang masih berterusan



Perjanjian Perkongsian Ekonomi Lebih Rapat Malaysia – Pakistan

- Semakan pertama bagi MPCEPA mengenai Perdagangan Barang (TIG) akan diadakan pada 2018
- Produk berkepentingan bagi Malaysia akan dicadangkan untuk dikurangkan dengan serta-merta melalui pendekatan “early harvest”

Kajian Bersama



Malaysia – Sri Lanka FTA

- Sri Lanka telah mencadangkan satu kajian kelayakan


Penyambungan



FTA Malaysia – Kesatuan Eropah

- Rundingan dimulakan pada 2010 tetapi terhenti pada 2012
- Terdapat kemungkinan bahawa rundingan akan disambung pada 2018

FTA yang akan Diratifikasi



CPTPP

- Rundingan selesai pada 23 Januari 2018
- CPTPP telah ditandatangani oleh kesemua 11 negara yang menyertai pada 8 Mac 2018
- Malaysia akan menyiapkan proses ratifikasi dengan mengemukakan perubahan perundangan untuk kelulusan Parlimen

FTA : Perjanjian Perdagangan Bebas


CPTPP : Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik

MPCEPA : Perjanjian Perkongsian Ekonomi Lebih Rapat Malaysia – Pakistan

PELABURAN BERKUALITI TINGGI



MALAYSIA TERUS MENJADI DESTINASI PELABURAN MENARIK DAN KOMPETITIF



Sektor Utama FDI dalam Sektor Pembuatan 2017

RRC	3,854.5	Pelaburan (RM juta)
Switzerland	2,444.0	Pelaburan (RM juta)
Singapura	2,307.0	Pelaburan (RM juta)
Belanda	2,033.9	Pelaburan (RM juta)
Jerman	1,516.9	Pelaburan (RM juta)

Industri Utama Menyumbang kepada Pelaburan 2017

Produk Elektrik dan Elektronik	8,155.1	Pelaburan (RM juta)
Produk Mineral Bukan Metalik	4,123.9	Pelaburan (RM juta)
Kimia dan Produk Kimia	2,420.4	Pelaburan (RM juta)
Peranti Sains dan Ukuran	1,556.0	Pelaburan (RM juta)
Peralatan Pengangkutan	1,502.3	Pelaburan (RM juta)

Sumber: MIDA

FDI : Pelaburan Asing Langsung

DDI : Pelaburan Domestik Langsung

RRC : Republik Rakyat China

MALAYSIA TERUS MENJADI DESTINASI PELABURAN MENARIK DAN KOMPETITIF

Pelaburan dalam Sektor Swasta 2017: Tinjauan

	2017	2016 (S)	Perubahan*
Bilangan Projek	4,731	4,392	7.7%
	(RM bilion)	(RM bilion)	(%)
Jumlah Pelaburan*	121	146.2	-17.2
Domestik	92.2	117.8	-21.7
Asing	28.8	28.4	1.4
Jumlah Peluang Pekerjaan	82,172	89,535	-8.2

Pelaburan dalam Sektor Utama 2017: Tinjauan

	2017	2016 (S)	Perubahan*
Bilangan Projek	48	41	17.1%
	(RM bilion)	(RM bilion)	(%)
Jumlah Pelaburan*	12.4	8.2	50.9
Domestik	8.0	4.9	63.3
Asing	4.4	3.3	33.3
Jumlah Peluang Pekerjaan	930	836	11.2

Nota: (S) merujuk kepada semakan data bagi 2016




PERJANJIAN JAMINAN PELABURAN (IGA)

(juga dikenali sebagai Perjanjian Promosi dan Perlindungan Pelaburan)

Objektif


- Mempromosi, memudah dan melindungi pelaburan
- Memberi hak kepada pelabur untuk memindahkan keuntungan, modal dan yuran-yuran lain berkaitan pelaburan
- Menyediakan mekanisma pertikaian yang membolehkan para pelabur meminta bantuan arbitrasi antarabangsa di samping mahkamah tempatan
- Memberi jaminan kepada para pelabur dan pelaburan mereka di mana jika berlaku rampasan kuasa atau nasionalisasi serta keadaan yang melibatkan kerugian akibat perang, konflik bersenjata, revolusi, darurat, rusuhan, pemberontakan atau kekacauan, para pelabur akan menerima bayaran pampasan segera dan mencukupi




66 IGA DIRATIFIKASI (MENGIKUT BENUA)



PERKEMBANGAN IGA





SKIM PINJAMAN KECIL BAGI AUTOMASI DAN PEMODENAN (SLSAM)


Objektif SLSAM

Meningkatkan produktiviti, kapasiti pengeluaran dan mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing


Jumlah Bajet di bawah Rancangan Malaysia ke-11

RM750juta

Syarikat yang telah mendapat manfaat peningkatan kapasiti pengeluaran daripada SLSAM



Syarikat yang telah mendapat manfaat pengurangan kebergantungan kepada buruh kasar daripada SLSAM



Jumlah Permohonan Diluluskan

Diluluskan	79
Tidak Diluluskan	11

2015

2016

2017

6

7

77

84

Jumlah Nilai Permohonan Diluluskan dan Bayaran Dikeluarkan (RM Juta)

Jumlah Diluluskan	245
Jumlah Bayaran Dikeluarkan	99

2015

312

264

2016

350

274

2017

OPERASI SECARA LANGSUNG JENDELA TUNGGAL ASEAN (ASW): STATUS PELAKSANAAN

- Semua Ahli Negara ASEAN (AMS) telah menandatangani dan meratifikasi:
 - Protokol berhubung Rangka Kerja Undang-undang untuk Pelaksanaan ASW
 - Pindaan kepada Prosedur Persijilan Operasi ATIGA
- ASW kini menyokong pertukaran Sijil Asal intra-ASEAN elektronik di bawah ATIGA (eForm D ATIGA).
- Mulai 1 Januari 2018, lima AMS yang mengambil bahagian (Indonesia, Singapura, Malaysia, Thailand dan Viet Nam) telah bertukar kepada fasa Operasi Secara Langsung ASW.
- AMS berusaha untuk meluaskan ASW bagi menyokong pertukaran maklumat pengisytiharan eksport melalui Dokumen Pengisytiharan Kastam ASEAN (ACDD) dan Sijil Phyto-sanitary elektronik (eSPS).



- Operasi Secara Langsung ASW (eATIGA)
(1 Januari 2018)
 - Indonesia
 - Malaysia
 - Singapura
 - Thailand
 - Viet Nam

- Ujian ASW pada April 2018
 - Brunei Darussalam
 - Filipina
 - Kemboja

- Pembangunan NSW
 - RDR Laos
 - Myanmar

PENCAPAIAN FASILITASI PERDAGANGAN 2016-2017


Simplifikasi, penghapusan, pemodenan dan penyelarasan proses eksport dan import bagi memudahkan perdagangan dan pelaburan



ATIGA : Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN
 NSW : Jendela Tunggal Nasional
 SOP : Prosedur Operasi Piawai

HS Code : Sistem Diskripsi dan Kod Komoditi Diselaraskan
 ICT : Teknologi Maklumat dan Komunikasi


TRANSFORMASI INDUSTRI





INDUSTRI 4.0

Industri 4.0 kini bukan sekadar bicara kosong. Kemunculan teknologi baharu yang mentransformasikan sektor pembuatan secara digital kini telah mendapat perhatian meluas di peringkat global. Gabungan dunia siber dan fizikal menyebabkan keperluan untuk perniagaan menilai risiko yang secara semulajadinya lebih kompleks dari sebelumnya.



SEMBILAN KOMPONEN INDUSTRI 4.0



INTERNET SALING BERHUBUNG (IoT)



REALITI TERIMBUH (AR)



PENGKOMPUTERAN AWAN



ROBOT BERAUTONOMI



DATA BESAR



INTEGRASI SISTEM




KESELAMATAN SIBER



SIMULASI




PEMBUATAN TAMBAHAN



INDUSTRI 4.0

MITI menerajui usaha membangunkan Rangka Kerja Dasar Industri 4.0 Nasional dengan kerjasama kementerian-kementerian lain. Kerajaan berhasrat untuk memanfaatkan dan mempertingkatkan lagi inisiatif-inisiatif sedia ada bagi memastikan supaya sumber dapat diurus dengan cekap.



Draf Rangka Kerja Dasar Industri 4.0 Nasional telah memasuki peringkat akhir dalam rundingan awam secara atas talian. MITI mensasar untuk melancarkan Rangka Kerja Dasar Industri 4.0 Nasional pada 2018

AEROANGKASA

Industri aeroangkasa kekal berdaya saing dan beberapa projek baharu yang terdiri daripada pembuatan struktur aero, MRO dan pembangunan infrastruktur dijangka akan dilaksanakan pada 2018.



MRO : Penyenggaraan, Membaiki dan Membalik Pulih

NAICO : Penyelarasan Industri Aeroangkasa Negara

EPP8 : Projek Titik Permulaan 8



INDUSTRI KIMIA

MAKLUMAT PENTING

SISTEM PENGELASAN DAN PELABELAN BAHAN KIMIA DI SELURUH DUNIA (GHS)

GHS adalah sistem yang dipersetujui di peringkat antarabangsa berhubung pengelasan kimia dan komunikasi bahaya pada label dan Lampiran Data Keselamatan (SDS). Diterbitkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, GHS meliputi semua kimia berbahaya dan boleh diguna pakai yang merangkumi kimia di tempat kerja, pengangkutan, produk pengguna, racun serangga dan farmaseutikal. MITI adalah peneraju bagi Koordinasi GHS Kebangsaan.

MENUJU MASA HADAPAN

MITI adalah peneraju bagi WG Pembuatan di bawah Rangka Kerja Pelaksanaan GTMP yang diamanahkan untuk melaksanakan inisiatif yang telah dikenal pasti.

Di bawah Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP), MITI menyarankan untuk mencapai tahap 15 peratus pengilang yang mematuhi dan menggunakan Inisiatif Pembuatan Hijau.

